

20/11/1997

Dewan lulus usul bantah resolusi

al Ali Abdul Rahim

IPOH, Rabu - Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak hari ini meluluskan usul membantah keras draf resolusi 34 ahli Kongres Amerika Syarikat yang mendesak Perdana Menteri meletak jawatan dan meminta maaf kononnya beliau anti-Yahudi.

Ketika membentangkan usul itu, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata seluruh rakyat Perak berdiri teguh dan menyokong kepemimpinan Dr Mahathir Mohamad dalam usaha beliau menangani masalah negara.

Usul itu diluluskan sebulat suara, termasuk mendapat sokongan wakil tunggal pembangkang di DUN Perak, Hu Chan You (DAP-Sitiawan).

Ketika menghuraikan usul itu, Ramli berkata, resolusi 34 ahli Kongres Amerika itu adalah penonjolan politik mereka yang sempit.

"Kongres Amerika yang menjadi tonggak demokrasi negara itu dijadikan alat oleh 34 ahli terbabit untuk menonjolkan politik sempit mereka.

"Resolusi berkenaan mengelirukan orang ramai seolah-olah Amerika mempunyai hubungan tidak baik dengan Malaysia.

"Ia membawa prasangka buruk kepada Perdana Menteri yang telah berkali-kali menafikan beliau anti-Yahudi," katanya ketika membentangkan usul itu.

Menurutnya, Malaysia diiktiraf dunia sebagai negara Islam yang paling mengamalkan toleransi kepada semua kaum atau penganut agama lain.

Ramli berkata, kelantangan Perdana Menteri di peringkat antarabangsa seperti meminta campur tangan segera Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam peperangan saudara di negara Balkan jelas membuktikan beliau mahukan keamanan antara masyarakat pelbagai agama, termasuk orang Islam, Kristian dan Yahudi.

Katanya, tindakan ahli Kongres itu juga membuktikan mereka angkuh di sebalik label demokrasi, tetapi tidak menghormati negara kecil seperti Malaysia yang berdaulat mengikut sistem demokrasi.

"Tindakan mereka yang tidak menghormati hak rakyat negara ini satu kejahatan dan keangkuhan terhadap rakyat Malaysia dan mesti dibantah," katanya.

Sementara itu, Datuk Mohamad Padil Harun (BN-Lintang) ketika menyokong usul itu berkata, tindakan ahli Kongres itu mahu memalukan Perdana Menteri dan rakyat negara ini.

Menurutnya, tindakan mereka mendesak Dr Mahathir meletak jawatan didorong oleh keinginan untuk menyingkirkan pemimpin yang lantang menegur kesilapan negara besar.

"Mereka melihat Perdana Menteri sebagai penghalang hasrat mereka untuk menjajah negara kecil dan sedang membangun, sebab itulah mereka mahu menjatuhkan beliau," katanya.

Yik Phooi Hong (BN-Buntong) pula berkata, tindakan ahli Kongres terbabit perlu dikutuk kerana Malaysia bukan negara jajahannya.

Sementara itu, S Veerasingam (BN-Sungkai) berkata, sikap rakyat Malaysia yang sanggup bekerja kuat dan berjimat cermat untuk memajukan ekonomi serta kesetiaan kepada pemimpin dicemburui Amerika.

Menurutnya, penduduk Amerika perlu faham dengan kedudukan Perdana Menteri dan tidak menyokong membuta tuli resolusi itu.

"Mereka (ahli Kongres) cuba memancing undi dalam pilihan raya di negara itu dan mencari isu yang boleh mendapat sokongan," katanya.

(END)